



**TEKS UCAPAN
YB ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**PERASMIAN “MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN
MALAYSIA (PROGRAM *RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL
LEARNING*-RPEL) & PENYAMPAIAN SIJIL PERHEBAT”**

**DEWAN JUBLI PERAK KOMPLEKS PERHEBAT
KEM SUNGAI BULOH, SUNGAI BULOH, SELANGOR**

20 JUN 2023 (SELASA) I 10.00 PAGI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

(SALUTASI) Lampiran Salutasi Disediakan

1. Setinggi kesyukuran dirafa’kan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir ke Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia di bawah Program *Recognition of Prior Experiential Learning* – atau singkatannya R-PEL dan Penyampaian Sijil PERHEBAT.
2. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana berjaya dianugerahkan Diploma dan Sijil pada hari ini. Manakala kepada penerima Diploma Kemahiran Malaysia yang bergelar veteran, saya amat terharu dengan keazaman dan dedikasi Tuan-Puan yang telah menamatkan perkhidmatan untuk terus menuntut ilmu dan mendapatkan Diploma atau Ijazah. Dengan iltizam, Tuan-Puan berjaya menghasilkan pencapaian yang amat membanggakan sebagai bekalan pada masa hadapan. **TAHNIAH DAN SYABAS.**

3. Untuk makluman semua, PERHEBAT akan meneruskan majlis penganugerahan secara bersiri di Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) PERHEBAT di 10 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Sabah bermula hari ini sehingga 22 Jun 2023.
4. Tidak dinafikan, acara tahunan seperti ini telah merapatkan lagi hubungan kerjasama di antara PERHEBAT dan Kerajaan Negeri serta pemain industri antaranya seperti Jabatan Pertanian, Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER Malaysia) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

PERANAN DAN HALA TUJU PERHEBAT

Para hadirin yang saya hormati,

5. Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP) akan terus memberi keutamaan dan komitmen terhadap inisiatif pembangunan modal insan dan sosioekonomi Bakal Pesara dan Veteran ATM. Ini merangkumi **penyediaan Program Latihan Peralihan** dalam bidang teknikal, vokasional (TVET) dan keusahawanan sebagai pemangkin kerjaya kedua veteran ATM.
6. Sejak tahun 2021 PERHEBAT telah melaksanakan beberapa langkah transformasi terhadap program Latihan Peralihan. Jika dahulu PERHEBAT hanya mampu melatih 25% daripada jumlah anggota yang bakal bersara, tetapi kini PERHEBAT berupaya melatih lebih dari 90%.
7. Sehingga 31 Mei 2023, 91% bersamaan 5,252 anggota dan pegawai telah memilih PERHEBAT sebagai persediaan persaraan mereka. Peningkatan keyakinan anggota telah mendorong PERHEBAT untuk mewujudkan 16 Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) di 10 buah negeri.
8. Selangkah ke hadapan, dan seiring dengan aspirasi Menteri Pertahanan, PERHEBAT wajar diperkasakan sebagai **Enabler**, yang menjadi **penghubung utama kepada kerjaya kedua veteran**. Bagi tujuan itu, satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan bagi memperkukuhkan fungsi dan hala tuju PERHEBAT, agar terus proaktif dalam memperkasakan kurikulum dan penyampaian program latihan kepada kumpulan sasar.

INISIATIF KERJAYA KEDUA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Kajian Kecenderungan Kerjaya Pelatih yang dijalankan PERHEBAT mendapati sekitar 82.6% anggota berhasrat menjalankan perniagaan, manakala 17.4% pula berminat untuk bekerja secara bermajikan.
10. Berdasarkan perangkaan ini, saya optimis, dengan bimbingan dan khidmat nasihat daripada PERHEBAT, veteran di dalam julat umur 33 hingga 42 tahun yang dilengkapi dengan kemahiran, kepakaran, jati diri dan disiplin yang tinggi akan mampu mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi.
11. Sebagai jambatan **penghubung utama kepada kerjaya kedua veteran**, PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV ATM) akan terus bekerjasama erat untuk melaksanakan Program *Reskilling Upskilling* Veteran menerusi peruntukan Belanjawan 2023. Kerjasama dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta swasta akan diperluaskan dan diperkembangkan lagi bagi memastikan ianya bersesuaian dengan kehendak industri-industri negara.
12. Selain itu, **program penempatan pekerjaan dan keusahawanan** menerusi kerjasama PERHEBAT dengan agensi kerajaan dan swasta seperti, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Sdn. Bhd., Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), HRD Corp, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Universiti Putra Malaysia (UPM), Jabatan Pertanian serta syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri pertahanan akan diteruskan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dalam usaha memberi nilai tambah dan peluang kepada anggota dan veteran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan seterusnya untuk peningkatan kerjaya, kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan, PERHEBAT dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan Program ***Recognition of Prior Experiential Learning* atau R-PEL**. **Tiga program pensijilan** telah ditawarkan iaitu:

- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3;
 - Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4; dan
 - Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5
14. R-PEL adalah program pensijilan berstruktur dengan pendekatan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu yang mengiktiraf individu berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu dan boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam *National Occupational Skills Standard* (NOSS) JPK. Calon-calon akan dinilai secara amali oleh JPK dan PERHEBAT untuk membolehkan mereka dianugerahkan dengan Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan 5.
15. R-PEL menyediakan pensijilan dalam **22 bidang perkhidmatan ATM** antaranya Pengurusan Pentadbiran, Penyelenggaraan Pesawat, Pengurusan Operasi Selam Skuba, Pengurusan Operasi Logistik dan Pengurusan Operasi Sekuriti. Sukacita saya maklumkan, sejak program RPEL dilaksana pada 2017 hingga Mei tahun ini, seramai **3,969 orang** telah berjaya diberi pentauliahan.

Para hadirin yang saya hormati,

16. Akhir kalam, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua anggota dan Veteran ATM. Sesungguhnya, saya yakin bahawa dengan berbekalkan pengalaman yang pelbagai dalam perkhidmatan ATM dan latihan oleh PERHEBAT, Tuan–Puan sudah bersedia untuk menempuh kerjaya kedua yang bakal diceburi.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **MERASMIKAN MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA DAN PENYAMPAIAN SIJIL PERHEBAT.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wasssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.